



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

DOKUMEN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

NO. PEROLEHAN: RTM.BPS(UKK). RFP.400-2/3/48 (4)

***REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI PEMBEKALAN
PEROLEHAN PROGRAM TV, RTM
FASA 2 TAHUN 2025**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Kenyataan <i>Request for Proposal</i> (RFP)	3
2.	Objektif	4
3.	Ekspektasi Jabatan Terhadap Pembekal	4
4.	Pendaftaran Syarikat dan Proposal	4
5.	Tempoh Pelaksanaan	5
6.	<i>Timeline</i> Pembekalan Program TV Fasa 2 2025	6
7.	Skop Perkhidmatan	7
8.	Syarat Penyertaan	8
9.	Muat Naik <i>Video Screeners</i> ke e-TVCMS	12
10.	Garis Panduan dan Rujukan	13
11.	Spesifikasi OTT – RTMKlik	14
12.	Anggaran Pengeluaran SST Jabatan	16
13.	Senarai Dokumen untuk Pendaftaran	16
14.	Kaedah Pembayaran	18
16.	Peringatan Mengenai Rasuah	19
15.	Tatacara Pitching – Perolehan Swasta Baharu	20
16.	Senarai Pegawai untuk Dihubungi	22
17.	Senarai Lampiran (a) Senarai Semak – Syarikat	23

KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mempelawa mana-mana Pembekal yang berminat untuk mengemukakan Kertas Cadangan ***Request for Proposal*** (RFP) bagi Perolehan Program TV, RTM

TAJUK : ***REQUEST FOR PROPOSAL*** (RFP) BAGI
PEROLEHAN PROGRAM TV, RTM FASA 2
TAHUN 2025

KELAYAKAN : **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DALAM
SEMUA KOD BIDANG BERIKUT:**

- (i) 221301 (Pengeluaran Filem)
- (ii) 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan)

TARIKH MULA IKLAN : **15 JULAI 2025 (SELASA)**

TARIKH TAKLIMAT RFP : **18 JULAI 2025 (JUMAAT)**
PUKUL 3.00 PETANG

TEMPAT TAKLIMAT : **AUDITORIUM SERI ANGKASA,
KOTA MEDIA ANGKASAPURI, RTM**

(Kehadiran syarikat ke sesi taklimat adalah
WAJIB bagi memahami skop dan
penyediaan dokumen)

A) OBJEKTIF

1. Tujuan melaksanakan RFP ini adalah **untuk mendapatkan cadangan daripada Syarikat Pembekal** bagi urusan Perolehan Program TV Swasta Baharu dan Luar Negara (*Syndicated*) Fasa 2 Tahun 2025 untuk siaran di saluran RTM.

B) EKSPEKTASI JABATAN TERHADAP PEMBEKAL

1. Melaksanakan pembekalan program TV yang memenuhi keperluan *Need Statement* RTM dan Syarat Penyertaan yang diiklankan;
2. Memberi kerjasama yang jitu kepada Kementerian, RTM dan pihak-pihak berkaitan; dan
3. Mematuhi semua peraturan, obligasi dan Garis Panduan yang ditetapkan.

C) PENDAFTARAN SYARIKAT DAN PROPOSAL

1. Pendaftaran syarikat dan keperluan maklumat proposal, video serta dokumentasi berkaitan Perolehan Program TV Fasa 2 Tahun 2025 menerusi sistem e-TVCMS perlu dibuat seperti ketetapan dibawah:
 - a) Tarikh pendaftaran: **18.7.2025 – 13.8.2025**
 - b) Pendaftaran melalui sistem Pengurusan Kandungan TV (e-TVCMS) di laman sesawang: <https://etvcms.rtm.gov.my>
 - c) Pendaftaran proposal dan tajuk program perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan sahaja. **TIADA** masa atau tarikh tambahan diberikan.
2. Setiap proposal dan tajuk proposal TV perlu dimuat naik secara berasingan ke dalam sistem e-TVCMS.

3. Had pendaftaran proposal dan program TV Swasta Baharu dan Luar Negara (Syndicated) **Fasa 2 2025** bagi setiap syarikat adalah seperti berikut:

Program TV Swasta Baharu	5
Program TV Luar Negara (<i>Syndicated</i>)	5
Perolehan TV Produk Siap Tempatan (Finished Product)	1

D) TEMPOH PELAKSANAAN

1. Jadual Tempoh Pelaksanaan Perolehan Program TV Fasa 2 Tahun 2025 adalah seperti di **Jadual 1**:

Jadual 1: Tempoh Pelaksanaan Perolehan Program TV, RTM Fasa 2 Tahun 2025

KATEGORI PEROLEHAN	KATEGORI PROGRAM	BIL EPS X DURASI	TEMPOH PEMBEKALAN & PENILAIAN	TEMPOH PEMBAYARAN	TEMPOH KONTRAK
SWASTA BAHARU	1. TELEFILEM DAN TELEFILEM KHAS	1 x 120'	5 bulan	2 bulan	7 bulan
	2. MUZIKAL HIBURAN	1 x 15'	5 bulan	2 bulan	7 bulan
		1 x 30'	5 bulan	2 bulan	7 bulan
	3. DOKUMENTARI KHAS	1 x 60'	5 bulan	2 bulan	7 bulan
	4. MAJALAH KHAS	10 x 30'	5 bulan	2 bulan	7 bulan
	5. MAJALAH UMUM DAN KANAK-KANAK	13 x 30'	7 bulan	2 bulan	9 bulan
	6. KAPSUL EKSPERIMEN SOSIAL	1 x 3'	4 bulan	2 bulan	6 bulan
	7. DOKUMENTARI	13 x 30'	7 bulan	2 bulan	9 bulan
	8. ANIMASI	7 x 30'	8 bulan	2 bulan	10 bulan
	9. DRAMA BERSIRI	7 x 60'	8 bulan	2 bulan	10 bulan
		8 x 60'			
		10 x 60'			
		12 x 60'			
	10. DRAMA SITKOM	13 x 30'	8 bulan	2 bulan	10 bulan
	11. DRAMA SITKOM STAND UP KOMEDI	5x10'	8 bulan	2 bulan	10 bulan
	12. DRAMA BERSIRI MUZIKAL	8X30'	8 bulan	2 bulan	10 bulan
LUAR NEGARA (SYNDICATED)	13. CEREKA	1 x 120'	4 bulan	2 bulan	6 bulan
		1 x 150'			
		1 x 180'			
	14. BERSIRI	< 40 eps	7 bulan	2 bulan	9 bulan

E) *TIMELINE* PEMBEKALAN PEROLEHAN PROGRAM TV FASA 2 TAHUN 2025

1. Bagi memastikan pembekalan program TV dilaksanakan oleh syarikat dengan teratur dan mengikut tempoh pelaksanaan yang ditetapkan berdasarkan tempoh kontrak, berikut adalah anggaran timeline bagi Perolehan Fasa 2 Tahun 2025.
2. Syarikat perlu memastikan perancangan *milestone* proposal yang dicadangkan adalah mengikut tempoh *timeline* platform penyiar iaitu RTM.

Jadual 2: *Timeline* Pembekalan Perolehan Program TV, RTM Fasa 2 Tahun 2025



F) SKOP PERKHIDMATAN

Skop Perkhidmatan bagi Perolehan Program TV, RTM Fasa 2 Tahun 2025 adalah seperti berikut:

1. Membekalkan dokumen Hak Cipta yang sah dan lengkap bagi Perolehan Program TV Swasta Baharu dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
2. Membekalkan dokumen Hak Tayangan (*Rights*) yang sah dan lengkap bagi Perolehan Program TV Luar Negara (*Syndicated*) dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
3. Membekalkan dokumen Hak Cipta yang sah dan lengkap bagi Perolehan Program TV Produk Siap Tempatan (*Finished Product*) dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
4. Membekalkan *Link* untuk Penilaian Kandungan mengikut spesifikasi dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
5. Membekalkan *Hard Disk (HD)* / *Solid State Drive (SSD)* dan *XD Cam* untuk Penilaian Teknikal mengikut spesifikasi dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
6. Membekalkan Bahan Promosi (Skrip berserta TCR, Sinopsis, Sinopsis setiap episod, *Trailer*, *Screeners*, *Poster*, *Rushes*, Gambar Pegun, *Metadata*) mengikut spesifikasi dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan;
7. Melaksanakan Pindaan Kandungan dan Pindaan Teknikal ke atas bahan yang dibekalkan sehingga bahan lulus sempurna untuk siaran dalam tempoh pembekalan yang ditetapkan; dan
8. Rujuk **Jadual 6 dan Jadual 7 untuk Rujukan Awal Spesifikasi Pembekalan Program untuk platform OTT** bagi skop perkhidmatan di platform RTM KLIK.

G) SYARAT PENYERTAAN

1. Maklumat proposal dan program TV seperti berikut perlu diisi dengan jelas di dalam sistem e-TVCMS. Contoh:

**Jadual 3: Maklumat yang perlu diisi di dalam sistem e-TVCMS
(Perolehan Swasta Baharu)**

Kategori: Drama Bersiri		
Kod Kategori: SDB 260-1		
1.	Tajuk Proposal	-sila kemukakan-
2.	Bilangan Episod	10 episod
3.	Durasi Program	60 minit
4.	Bahasa	BM
5.	Kategori Program	Drama Bersiri
2.	Logline	Tidak lebih 300 patah perkataan
3.	Sinopsis	Tidak lebih 300 patah perkataan
4.	Konsep	Tidak lebih 300 patah perkataan
5.	<i>Unique Selling Point</i> (USP)	Tidak lebih 300 patah perkataan
6.	Objektif Penerbitan	Tidak lebih 300 patah perkataan
7.	Cadangan Pelakon & Pengacara	✓ Minimum 10 cadangan nama Pelakon ✓ Minimum 4 cadangan nama Pengacara
8.	Cadangan Lokasi	Cadangan nama tempat yang spesifik
9.	Video	<i>Video Look and Feel</i> Durasi: Tidak lebih 5 minit / 3 GB Format Video: MP4, MOV, MPG (H264/AAC)
10.	Dokumen Proposal	emel ke: proposalswasta@rtm.gov.my

**Jadual 4: Maklumat yang perlu diisi di dalam sistem e-TVCMS
(Perolehan Luar Negara – Syndicated)**

Kategori: Cereka		
Kod Kategori: SC4100-1		
1.	Tajuk Proposal	-sila kemukakan-
2.	Bilangan episod yang ditawarkan	16
3.	Durasi	60 minit
4.	Tahun terbitan	2019
5.	Harga tawaran per episod (RM)	RM XX,000.00
6.	Harga tawaran keseluruhan (RM)	RM XXX,000.00
7.	Tempoh hak tayangan ditawarkan	2 tahun / 2 kali tayangan
8.	Pelakon / Hos	-sila kemukakan-
9.	<i>Rating</i>	6.0 -nyatakan sumber maklumat rating-
10.	Bahasa	Inggeris
11.	Negara asal	US
12.	Sinopsis	Tidak melebihi 300 patah perkataan
13.	Maklumat tambahan	Anugerah yang dimenangi atau maklumat lain berkaitan tajuk program Penyertaan syarikat di mana-mana festival filem antarabangsa

2. Bagi Perolehan Program Swasta Baharu, sila rujuk syarat tambahan seperti di **Jadual 5:**

Jadual 5: Syarat Penyertaan Tambahan Perolehan Program TV Swasta Baharu Fasa 2 Tahun 2025

BIL.	SYARAT	KETERANGAN
1.	Dokumen Proposal Swasta (BAHARU & PENTING)	- Ke arah penambahbaikan Pelaksanaan Perolehan Swasta Baharu, UKK, RTM telah menyediakan <i>Template</i> Proposal sebagai panduan kepada syarikat. - Template ini boleh digunakan oleh syarikat agar proses <i>Pitching</i> dan Mesyuarat Penerbitan Perolehan

		Swasta Baharu Fasa 2 Tahun 2025 berjalan dengan lebih lancar dan mengikut keperluan RTM. Template Dokumen tersebut boleh dimuat turun di sini. https://drive.google.com/file/d/1fhGy5FNbOS_aPRGJRji1mEO-LoG3A0D1/view?usp=sharing - Syarikat perlu mengemukakan Dokumen Proposal ini di dalam tempoh pendaftaran (18 Julai 2025 hingga 13 Ogos 2025). UKK, RTM berhak menolak dokumen proposal yang dikemukakan selepas tamat tempoh pendaftaran. Dokumen Proposal ini bukan jaminan syarikat untuk diterima ke peringkat seterusnya. Walaubagaimanapun, ia adalah nilai tambah (<i>additional values</i>) kepada syarikat terutama di peringkat awal saringan (Saringan Dokumentasi dan Saringan <i>Pitching</i>). - Dokumen Proposal tersebut bolehlah diemel ke: perolehanswasta@rtm.gov.my
2.	Pengalaman Penerbitan	Khusus bagi kategori Drama Bersiri, syarikat perlu berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun di dalam penerbitan program TV dan mempunyai rekod pembekalan yang baik dengan RTM atau stesen lain.
3.	Dokumen Tambahan	- Dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan kepada RTM (a) Penyata Audit Tahunan (b) Kemudahan Kredit
4.	Pendaftaran dengan mana-mana Persatuan di dalam Industri Kreatif	Sekiranya syarikat berdaftar dengan mana-mana persatuan di dalam industri kreatif, sila nyatakan nama persatuan beserta no. pendaftaran di dalam Dokumen Proposal.

3. Bagi Perolehan program TV Luar Negara (*Syndicated*), sila pastikan syarikat mengemukakan maklumat jelas seperti di **Jadual 6**:

**Jadual 6: Keperluan Maklumat Perolehan Program TV Luar Negara
(Syndicated) Fasa 2 Tahun 2025**

BIL.	SYARAT	KETERANGAN
1.	<i>Authorization Letter</i> <i>Distribution Letter</i>	Memandangkan RTM melaksanakan Perolehan Program TV Luar Negara (<i>Syndicated</i>) secara Sewaan Hak Siaran untuk dua (2) platform siaran yang berbeza iaitu secara <i>Free to Air</i> (FTA) dan <i>Over the Top</i> (OTT), syarikat perlu menyatakan hak siaran yang jelas (sama ada di platform FTA atau OTT) di dalam dokumen ini sebagai pengesahan awal dengan pihak Prinsipal atau Agen Pengedar.
2.	Penyertaan syarikat di peringkat Antarabangsa	- Sebagai maklumat tambahan, syarikat boleh mengemukakan maklumat dan dokumen jelas sekiranya menyertai mana-mana festival filem antarabangsa yang dianjurkan. - Maklumat ini boleh diisi di dalam kolum Proposal (Maklumat Tambahan)
3.	Pendaftaran dengan mana-mana Persatuan di dalam Industri Kreatif	- Sekiranya syarikat berdaftar dengan mana-mana persatuan di dalam industri kreatif, sila nyatakan nama persatuan dan no. pendaftaran. - Maklumat ini boleh diisi di dalam kolum Proposal (Maklumat Tambahan)

4. RTM berhak menolak atau tidak mempertimbangkan penyertaan sekiranya maklumat yang diisi tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat penyertaan di dalam tempoh yang ditetapkan.

5. Pendaftaran penyertaan yang lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. RTM berhak menolak penyertaan syarikat yang tidak mempunyai dokumen yang lengkap, sijil yang telah tamat tempoh sah laku, dokumen yang tidak memenuhi keperluan dan syarat penyertaan RFP, *Need Statement* RTM dan

Garis Panduan yang ditetapkan. Sebarang surat menyurat dan e-mel tidak akan dilayan.

H) MUAT NAIK VIDEO *SCREENERS* KE e-TVCMS

1. Syarikat disarankan *compress* video ke format MP4, MOV @ MPG (H264 / AAC) dengan resolusi 720p (5Mbps bitrate) atau lebih rendah. Saiz kandungan tidak melebihi 3GB.
2. Keperluan *screeners* mengikut kategori perolehan adalah seperti berikut:
 - i) **Program TV Luar Negara (*Syndicated*)**

Cereka	:	Durasi penuh keseluruhan program
Bersiri	:	Episod awal, tengah dan akhir sahaja

***Trailer tidak diperlukan**
 - ii) **Program TV Produk Siap Tempatan (*Finished Product*)**

Bersiri	:	Episod penuh dengan durasi keseluruhan program.
---------	---	---

***Trailer tidak diperlukan**
3. Syarikat bertanggungjawab memastikan *video screeners* yang dimuat naik boleh diakses dengan menggunakan apa jua bentuk perisian. **RTM berhak menolak atau tidak mempertimbangkan penyertaan sekiranya *video screeners* yang dimuat naik tidak dapat ditonton oleh panel saringan.**
4. Syarikat yang mendaftar lebih daripada satu (1) tajuk perlu memastikan setiap tajuk mempunyai *video screeners* yang diperlukan. Penyertaan boleh terbatal sekiranya syarikat mendaftar tajuk program tanpa mengemukakan *video screeners* lengkap untuk sesi saringan pra-tonton (*Screening*).
5. Bagi penyertaan tajuk program TV selain daripada Bahasa Melayu, syarikat perlu menyediakan sarikata dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris untuk sesi saringan pra-tonton (*Screening*).

6. Pendaftaran tajuk dan *video screeners* yang dimuat naik ke sistem e-TVCMs samada sebelum atau selepas tempoh pendaftaran yang ditetapkan tidak layak dibawa ke sesi saringan pra-tonton (*Screening*).

I) GARIS PANDUAN dan RUJUKAN

- a. Syarikat bertanggungjawab menyemak garis panduan dan merujuk garis panduan agar tajuk proposal bagi Perolehan Swasta Baharu dan Perolehan Luar Negara (Syndicated) yang dicadangkan bermutu tinggi, bersesuaian dengan dasar kerajaan dan aspirasi negara serta memenuhi citarasa penonton.
- b. Berikut adalah garis panduan yang boleh dirujuk oleh syarikat:
 - I. Garis Panduan Penapisan Filem (LPF) - <https://ilpf.moha.gov.my/assets/layouts/layout/img/GarisPanduanPenapisanFilem2024.pdf>
 - II. Kod Etika Penyiaran RTM – rujuk di pautan e-TVCMs <https://etvcms.rtm.gov.my/guideline>
 - III. Garis Panduan Penerbitan TV RTM - rujuk di pautan e-TVCMs - <https://etvcms.rtm.gov.my/etiquette>
 - IV. Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan Penyiaran Berunsur Islam - https://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/Garisan_Panduan_Penapisan_Kandungan_Bahan-Pendaklan_Penyiaran_Berunsur_Islam.pdf

J) SPESIFIKASI OTT – RTM KLIK

1. Bermula tahun 2025, RTM melaksanakan perolehan program TV untuk disiarkan di platform *over-the-top* (OTT) iaitu RTMKlik.
2. Dilampirkan Spesifikasi Pembekalan Program TV di Platform OTT – RTMKlik sebagai rujukan awal syarikat yang mendaftarkan tajuk program

TV Luar Negara (*Syndicated*) atau Produk Siap Tempatan (*Finished Product*).

3. Spesifikasi pembekalan akhir akan dimaklumkan di peringkat Rundingan Harga atau semasa syarikat menandatangani Surat Setuju Terima (SST).
4. Khusus untuk pendaftaran tajuk dengan tahun terbitan yang agak lama / retro / klasik, syarikat hendaklah memastikan bahawa tajuk tersebut telah melalui proses pendigitalan sebelum penghantaran bahan untuk pembekalan kelak. Ini bagi memastikan kelancaran proses pembekalan dan penilaian dengan jangkaan tempoh pembekalan yang lebih pendek.

Jadual 7:
(Rujukan Awal) Spesifikasi Pembekalan Program TV di OTT- RTM
KLIK - Perolehan Swasta Baharu

Rujuk Spesifikasi Teknikal Untuk Pembekalan Bahan ke RTM melalui pautan berikut;

<https://www.rtm.gov.my/images/pdf24/technicalspecificationfortvacquisitionanddeliveryforradiotelevisionmalaysiartmversi.pdf>

Jadual 8:
(Rujukan Awal) Spesifikasi Pembekalan Program TV di OTT- RTM
KLIK - Perolehan Luar Negara (Syndicated)

Bil.	Perkara	Keterangan
------	---------	------------

1.	Format Video	a) Codec: H.264 atau H.265 b) Bitrate: 6-8 Mbps (VBR) untuk 1080p. c) Chroma Subsampling: 4:2:0 d) Container: MP4 untuk VOD, HLS/MPEG-DASH untuk adaptive streaming. e) Frame Rate: 25fps (PAL Standard) atau 30fps untuk fleksibiliti.
2.	Audio Codec	a) Codec: AAC (Advanced Audio Codec). b) Bitrate: 128-256 kbps. c) Sample Rate: 48kHz. d) Channel: Stereo (2.0)
3.	Loudness & Auto Configuration	a) Loudness: -23 LUFS $\pm$ 1 LU (mengikut standard EBU R128). b) True Peak: Maksimum -1 dBTP.
4.	Subtitling & Closed Captions	a) Format: WebVTT atau TTML lebih baik daripada SRT untuk sokongan multi-bahasa & accessibility. b) SRT boleh diterima, tetapi lebih baik jika ada baked-in subtitles untuk kandungan tertentu.
5.	DRM & Encryption	a) Tiada DRM buat masa ini (jika ada keperluan untuk kandungan premium). b) AES-128 encryption (dipertimbangkan jika ada keperluan)
6.	Streaming Protocols	a) HLS untuk iOS & Apple Devices. b) MPEG-DASH untuk Android/Web. c) RTSP/RTP jika ada keperluan untuk Low Latency Streaming.
7.	Metadata & Integrasi dengan MAM	a) Gunakan XML Metadata yang serasi dengan MAM RTM (ALTO & News Archive). b) Field Minimum Metadata: c) Title, Synopsis, Genre, Language, Production Year d) Duration, Technical Specs (Format, Codec, Bitrate, Frame Rate) e) Publisher, Rights Holder, License Expiry Date (jika ada)
8.	Workflow & QC	a) Gunakan Automated QC (Vidchecker/Baton/QScan) untuk standardisasi.

		b) Manual QC untuk kandungan sensitif (berita, dokumentari, program khas). c) Validation sebelum upload ke CDN untuk elak kandungan rosak.
9.	CDN & Infrastruktur OTT	a) Gunakan AWS CDN (seperti sedia ada). b) Boleh tambah Cloudflare atau Akamai untuk redundancy.

K) ANGGARAN PENGELUARAN SST JABATAN

Anggaran jumlah SST yang dijangka akan dikeluarkan oleh Jabatan bagi pelaksanaan Perolehan Program TV, Fasa 2 Tahun 2025 adalah ke atas 300 tajuk yang akan dimuktamadkan oleh Kementerian Komunikasi.

L) SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENDAFTARAN PEROLEHAN PROGRAM TV SWASTA BAHARU DAN LUAR NEGARA (SYNDICATED) FASA 2 TAHUN 2025

Jadual 9: Senarai Dokumen yang perlu dimuat naik ke sistem e-TVCMS untuk Perolehan Program TV Fasa 2 2025

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Sijil Pematuhan Cukai (LHDN) (Tax Compliance Certificate) Rujukan: <u>Garis panduan pengeluaran Sijil Pematuhan Cukai TCC</u>	● Pastikan sijil ini SAH LAKU dan PATUH mengikut tahun semasa perolehan. ● Contoh: Pendaftaran Perolehan pada tahun 2025, TCC perlu patuh pada tahun 2025 (1.1.2025 – 31.12.2025). ● Contoh: Pembayaran Perolehan dilaksanakan pada tahun 2026, TCC perlu patuh pada tahun 2026 (1.1.2026 – 31.12.2026)
2.	Sijil KWSP dan PERKESO	● Perlu disertakan

3.	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	• Pastikan sijil ini SAH LAKU pada tarikh dimuat naik ke sistem e-TVCMS. • Sekiranya sijil telah tamat tempoh atau hampir tamat tempoh sah laku, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.
4.	Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	• Kod Bidang 221301 (Pengeluaran Filem) • Kod Bidang 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan) • Pastikan sijil ini SAH LAKU pada tarikh dimuat naik ke sistem e-TVCMS. • Sekiranya sijil telah tamat tempoh atau hampir tamat tempoh sah laku, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.
5.	Sijil Kementerian Komunikasi (PF & DF)	• Pastikan sijil ini SAH LAKU pada tarikh dimuat naik ke sistem e-TVCMS. • Sekiranya sijil telah tamat tempoh atau hampir tamat tempoh sah laku, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.
6.	Sijil FINAS PF & DF	• Sijil FINAS untuk Pengeluaran dan Pengedaran Filem. • Pastikan sijil ini SAH LAKU pada tarikh dimuat naik ke sistem e-TVCMS. • Sekiranya sijil telah tamat tempoh atau hampir tamat tempoh sah laku, sila kemukakan bukti pembaharuan sijil.
7.	Penyata Kewangan Syarikat	• Disahkan oleh pihak Bank • 3 Bulan (Mac, April dan Mei 2025)

8.	Sijil Bumiputera	• Untuk syarikat bertaraf Bumiputera sahaja. • Pastikan sijil ini SAH LAKU pada tarikh dimuat naik ke sistem e-TVCMS.
9.	<u>SWASTA</u> Surat Akuan Sumpah Penyerahan Idea Asal	• Pemilik Idea asal WAJIB menandatangani dokumen ini • Disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah
10.	<u>SWASTA</u> Dokumen Proposal Swasta Baharu Fasa 2 Tahun 2025	• Emel ke proposalswasta@rtm.gov.my • Rujukan di Jadual 4 • Dokumen Proposal disediakan menggunakan <i>Template</i> Proposal Swasta 2025 Yang diiklankan
11.	<u>SWASTA</u> Video Look and Feel	• Durasi tidak lebih dari 3 minit • Video yang menggambarkan imej, tekstur dan elemen reka bentuk yang menyampaikan gaya keseluruhan, ton dan rasa emosi program yang termasuk elemen teknikal
12.	<u>LUAR NEGARA (SYNDICATED)</u> Dokumen Berkaitan Prinsipal atau Syarikat Pemilik / Pengedaran Tajuk yang didaftarkan	• <i>Authorization Letter @ Distribution Letter</i> tajuk yang didaftarkan dengan maklumat Prinsipal atau Syarikat Pengedaran yang sah dan lengkap. • Maklumat berikut perlu jelas dan lengkap (a) Hak Siaran samada untuk FTA atau OTT (b) Wilayah Siaran (c) Tawaran Tempoh Hak Tayangan (d) Harga Tawaran (e) Nama dan Alamat Prinsipal / Agen Pengedar (f) No telefon atau Emel

13.	<u>LUAR NEGARA (SYNDICATED)</u> Video Screeners	Perolehan Luar Negara (<i>Syndicated</i>) Cereka: Video <i>Screeners</i> durasi penuh Bersiri: Video <i>Screeners</i> dengan episod Awal, Tengah dan Akhir Program TV Produk Siap Tempatan (<i>Finished Product</i>) Bersiri : Episod penuh dengan durasi keseluruhan program.
-----	--	--

M) KAEDAH PEMBAYARAN

1. Bagi Perolehan Swasta Baharu, pembayaran dilaksanakan mengikut dua kaedah iaitu secara sekali sahaja (*one off*) dan secara berperingkat (*staggered payment*) mengikut kategori seperti berikut:

Jadual 9: Kaedah Pembayaran untuk Perolehan Program TV Swasta Fasa 2 Tahun 2025

SEKALI (<i>ONE OFF</i>)	BERPERINGKAT (<i>STAGGERED</i>)
✓ Telemovie ✓ Dokumentari Khas ✓ Majalah Khas ✓ Drama Bersiri ✓ Drama Sitkom ✓ Drama Muzikal ✓ Animasi ✓ Kapsul	✓ Majalah ✓ Dokumentari

2. Bagi Perolehan Luar Negara (*Syndicated*) dan Produk Siap Tempatan (*Finished Product*), pembayaran secara satu (1) kali (*one off*) selepas

semua episod program TV yang dibekalkan mencapai status Lulus Sempurna untuk Siaran (Lulus Penilaian Kandungan dan Teknikal).

N) PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai RFP ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
3. Pemohon yang berminat menyertai RFP ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti Dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

O) TATACARA PENYERTAAN *PITCHING* (PEROLEHAN SWASTA BAHARU)

1. Syarikat **hanya dibenarkan** menyertai sesi *Pitching* bagi tajuk kertas cadangan (proposal) yang telah **didaftarkan di e-TVCMS sahaja**. Pemakluman mengenai tarikh, tempat dan masa pitching akan di e-mel kepada syarikat.
2. Syarikat **perlu mematuhi JADUAL PITCHING** yang telah diberikan. Permohonan pertukaran jadual sesi Pitching yang telah didaftarkan tidak akan dilayan.

3. Tempoh masa *Pitching* hanya diberikan selama **10 minit** bagi setiap satu tajuk kertas cadangan (proposal).
 4. Syarikat digalakkan menyediakan **video look & feel** berdurasi **tidak melebihi 5 minit**. Persembahan audio visual mestilah menggunakan format MP4, MOV atau MPG (H264/AAC).
 5. Syarikat digalakkan menyediakan **Proposal bagi Perolehan Swasta Fasa 2 Tahun 2025 mengikut template Proposal yang telah disediakan oleh RTM**.
 6. Syarikat hanya dibenarkan membawa masuk **tidak lebih dari 3 orang** iaitu Penerbit, Pengarah dan Penulis Skrip ke dalam bilik *Pitching* semasa proses *Pitching* dijalankan.
 7. Pembekal **tidak dibenarkan membawa sebarang surat sokongan daripada mana-mana pihak untuk diedarkan kepada panel pitching**.
 8. **Syarikat tidak dibenarkan merakamkan sebarang bentuk foto (gambar), audio dan video semasa sesi pitching berlangsung**.
 9. Jika Proposal yang dicadangkan oleh syarikat terpilih ke peringkat seterusnya iaitu Mesyuarat Penerbitan, sila **KEMASKINI** status maklumat yang dicadangkan didalam Proposal
 10. Syarikat boleh menyemak status keputusan perolehan melalui sistem e-TVCMs. Tarikh semakan keputusan akan dimaklumkan oleh RTM melalui emel. Pembekal yang **BERJAYA** akan dihubungi Urus setia Unit Kandungan Kreatif (UKK) RTM bagi urusan penerimaan dokumen Surat Setuju Terima (SST).
- P) Sebarang pertanyaan berhubung pelawaan ini, sila hubungi pegawai-pegawai Unit Kandungan Kreatif (UKK) seperti di bawah:**

Nama pegawai	No. telefon	Alamat
Ketua Penolong Pengarah Puan Nazirah Fadhlina binti Anuar Emel: nazirah.anuar@rtm.gov.my	03-2636 4144	Jabatan Penyiaran Malaysia Unit Kandungan dan Kreatif, Tingkat 10, Menara Angkasapuri, 50614 Kuala Lumpur.
Perolehan Swasta Baharu & Sambung Siri & OTT Puan Nazirah Fadhlina binti Anuar Emel: nazirah.anuar@rtm.gov.my		
Perolehan Luar Negara & Produk Siap Tempatan & Kandungan Luar Cik Nor Hanah binti Mohd Noordin Emel: norhanah@rtm.gov.my	03-2636 4214	Unit Kandungan dan Kreatif, Tingkat 11, Menara Angkasapuri, 50614 Kuala Lumpur.
Kewangan, Dokumentasi & Pematuhan Kontrak Puan Noraini binti Maridi Emel: norainimaridi@rtm.gov.my	03-2288 7315	
Sistem e-TVCMS Encik Zadir Hayat bin Arsad Emel : zadilhayat@rtm.gov.my	03-2288 7316	

Q) SENARAI LAMPIRAN

(a) SENARAI SEMAK SYARIKAT

BIL.	DOKUMEN	CATATAN	STATUS SEMAKAN	TARIKH
1.	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Pengesahan Setiausaha Syarikat / Pesuruhjaya Sumpah		
2.	Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)	Status <u>SAH LAKU</u> dan <u>PATUH</u> mengikut tahun perolehan		
3.	Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Kod Bidang 221301 (Pengeluaran Filem) Kod Bidang 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan) Status <u>SAH LAKU</u>		
4.	Sijil Kementerian Komunikasi	Status <u>SAH LAKU</u>		

5.	Sijil FINAS PF & DF	Pengeluaran & Pengedaran Filem Status <u>SAH LAKU</u>		
6.	Penyata Kewangan Syarikat	Mac, April dan Mei 2025		
7.	Sijil Bumiputera	Bumiputera sahaja		
8.	Surat Akuan Sumpah Penyerahan Idea Asal	Untuk Perolehan Swasta		
9.	Dokumen Proposal Swasta Baharu Fasa 2 Tahun 2025	Untuk Perolehan Swasta Gunakan Template Proposal Proposal yang diiklankan Emel kepada: proposalswasta@rtm.gov.my		
10.	<i>Authorization Letter @ Distribution Letter</i>	Untuk Perolehan Luar Negara (Syndicated)		
11.	<i>Video Look and Feel</i>	Untuk Perolehan Swasta		
12.	<i>Video Screeners</i>	Untuk Perolehan Luar Negara (Syndicated)		
13.	Sijil KWSP	Untuk Perolehan Swasta & Luar Negara (Syndicated)		
14.	Sijil PERKESO	Untuk Perolehan Swasta & Luar Negara (Syndicated)		